

Pelakon lelaki, dua lain ditahan dalam Honda JazzSelasa, 7 November 2017 **BH****KES RAMPASAN GANJA 5.97 GRAM**

Pelakon lelaki, dua lain ditahan dalam Honda Jazz

➔ Ujian air kencing tiga suspek positif dadah

Oleh **Fazrik Kamarudin**
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Polis menahan seorang pelakon yang juga pengacara selepas satu tin berisi dadah jenis ganja ditemui dalam keretanya di Jalan Bukit Setiawangsa, di sini, Jumaat lalu.

Ketika diperiksa pada jam 1.30 pagi itu, lelaki berusia 25 tahun berkenaan berada dalam kereta jenis Honda Jazz di sebuah stesen minyak bersama seorang rakan berusia 25 tahun

dan adik lelakinya yang berusia 21 tahun.

Menurut sumber, polis yang menjalankan pemeriksaan terhadap suspek dan keretanya kemudian menjumpai satu tin aluminium di bawah kerusi pemandu.

Temui ketulan ganja

“Pemeriksaan ke atas tin itu kemudian menemui satu paket plastik lutsinar yang disyaki mengandungi ketulan ganja mampat seberat 5.97 gram.

“Yang turut ditemui adalah satu botol plastik yang diubah suai dipercayai peralatan un-

tuk menghisap dadah jenis ganja.

“Suspek bersama adik dan rakannya ditahan dan ujian saringan air kencing kemudian mendapati suspek positif dadah jenis THC (Tetra Hydrocannabinol),” katanya, semalam.

Sumber berkenaan berkata, semakan terhadap ketiga-tiga individu yang ditahan mendapati mereka tiada rekod jenayah lampau.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim mengesahkan penahanan pelakon berkenaan.